

Kamera Digital Pegun
DMC-LS85

LUMIX DMC-LS85 KUASA GAMBAR 8.1 MEGAPIKSEL MENGUNAKAN BATERI AA DAN 4X KUASA ZOOM OPTIK DENGAN KECERAHAN KANTA F2.8.

Panasonic dengan sukacitanya memperkenalkan kamera model DMC-LS85 kuasa gambar 8.1 mega piksel terbaru dengan menggunakan BATERI AA yang mengutamakan keselesaan dan berteknologikan ciri auto pintar (iA) sebagai pengganti kepada model sebelumnya iaitu model LS80. Selain daripada menggunakan BATERI AA biasa, model DMC LS85 ini juga mempunyai 4x kuasa zoom optik dan kanta LUMIX DC VARIO yang berkualiti tinggi dengan kecerahan F2.8

Mod auto pintar (iA) yang mengandungi pelbagai fungsi ini juga, telah digabungkan di dalam model LS85 ini. Mod ini mengandungi empat fungsi utama iaitu, *MEGA O.I.S*, *Intelligent ISO Control*, *Intelligent Scene Selector*, dan *Face Detection*. *Mega O.I.S* berfungsi untuk mengesan dan mengurangkan tangan yang menggeletar atau bergerak semasa gambar diambil dan *Intelligent ISO Control* pula bertindak untuk mengelakkan gambar yang diambil tidak kabur. *Intelligent Scene Selector*, mengesan suasana persekitaran serta memilih mod yang bersesuaian untuk digunakan ketika rakaman dibuat secara automatik seperti pemandangan, potret, atau suasana malam. Sistem *Face Detection* pula, mengesan wajah individu ketika rakaman dibuat secara automatik. Di samping itu, sistem pantas AF membolehkan kamera untuk fokus terhadap subjek tanpa perlu menahan butang separuh jalan, dengan itu jangka AF dapat dikurangkan untuk keputusan yang lebih memuaskan. Apabila pengguna menggunakan mod auto pintar (iA), mereka hanya perlu menekan butang yang terletak di atas kamera, dengan itu fungsi pelbagai guna akan berlaku secara automatik. Pengguna juga boleh menangkap tanpa perlu menukar fungsi setiap kali keadaan sekitar berubah, ini menjadikan kamera automatik ini sesuai dalam apa jua keadaan, ia juga memudahkan pengguna untuk menangkap gambar yang menarik dan jelas.

Model DMC-LS85 menggabungkan paparan LCD sebesar 2.5inci dengan resolusi tinggi dan fungsi LCD pintar, yang mengesan keadaan lampu dan mengawal tahap kecerahan LCD dalam 11 langkah yang cermat, untuk mendapatkan rakaman yang sesuai dalam berbagai situasi. Persembahan slaid gambar yang diambil, kini mempunyai kesan latar muzik yang mengikut kesesuaian "mood" pengguna, dengan itu pengguna dapat menonton sambil menikmati gambar secara berlainan dengan sistem bunyi terbaru. Tambahan pula, video gambar kini boleh dirakam dengan menggunakan elemen

rakaman bunyi dengan pembesar suara.

Didatangkan dengan panel jalur hitam metalik, kamera model DMC LS85 yang mudah dan padat ini, menjanjikan kesenangan terutama kepada pengguna baru bagi menangkap imej yang bergerak pantas. Kamera model DMC LS85 akan tersedia dalam satu warna iaitu perak.

*warna dan model kamera boleh di perolehi pada tempat jualan yang tertentu.

1. Kaedah Fotografi Mudah Dilakukan Dengan Baik Dan Bukan Sahaja Dari Jurugambar Professional.

Panasonic meneruskan idea yang ideal bagi mereka yang berminat di dalam bidang fotografi dengan menaikkan tahap fotografi , ini membolehkan pengguna menangkap gambar yang cantik dengan jelas dan menarik, dengan gabungan mod auto pintar (iA) bagi mengurangkan tangkapan yang tidak jelas. Ketika industri yang semakin berkembang dan ingin mengurangkan gambar yang di ambil kelihatan kabur, *MEGA O.I.S* (lensa pengesan gegaran) pengesan gegaran yang diselaraskan, dan *Intelligent ISO Control* bertindak untuk mengesan dan juga “*suppress motion blur*” juga antara ciri-ciri yang direka khas bagi model LS85. Tambahan lagi, kedua-dua teknologi penstabil imej (image stabilizing) telah dinaik taraf bagi mengesan ketepatan dan membuat pembetulan “*effect*” yang digunakan.

Di samping itu, pentingnya bagi dua teknologi anti-gegaran ini adalah, Sistem “*Face Detection*” menetapkan pendedahan secara automatik. 15 imej atau lebih, akan dapat dikesan dengan serentak. Manakala, *Intelligent Scene Selector* pula, mengesan suasana persekitaran serta memilih mod yang bersesuaian untuk digunakan seperti pemandangan, potret, atau suasana malam. Lebih menarik lagi, model baru ini ditambah dengan teknologi baru iaituimbangan cahaya latar auto (automatic backlight compensation) yang membolehkan setiap imej dengan subjek yang gelap dan terang diimbangi untuk mendapatkan pencahayaan terbaik.

Tambahan terbaru lagi, teknologi butang auto pintar (iA) di bahagian atas kamera, memudahkan pengguna untuk menekan butang dengan mudah dan terus mengaktifkan mod (iA). Apabila mod auto pintar (iA) telah diaktifkan , fungsi serba boleh ini dengan secara automatik membolehkan pengguna mengambil gambar tanpa perlu melaraskan tetapan fungsi setiap kali keadaan sekitar berubah. Pengguna akan dapat menikmati kepuasan merakam gambar yang menarik walau dalam apa jua keadaan.

2. Prestasi Komponen Yang Berkualiti Tinggi Dan Pemprosesan Imej LSI Venus Engine IV.

Model kamera DMC- LS85 kuasa gambar 8.1 mega piksel ini datang dengan pakej lensa F2.8 Lumix Vario dan 4x kuasa zoom optik (33-132mm) dimuatkan dalam satu bentuk yang kompak dan nipis. Terdapat 6 elemen dalam 5 kumpulan, termasuk 3 lensa *aspherical* dan 4 permukaan *aspherical*. Unit terbaru ini juga menjanjikan prestasi optik yang luar biasa dan bentuk yang kompak. Tambahan lagi, dalam mod resolusi kuasa gambar 3 mega piksel, fungsi zoom optik tambahan menyediakan lebihan pembesaran, dengan itu memanjangkan kuasa zoom kepada 6.4 x (211mm*) dengan menggunakan bahagian tengah CCD.

Pemprosesan imej LSI Enjin “*Venus IV*”, mengandungi isyarat teknologi pemprosesan terbaru untuk mendapatkan imej yang berkualiti tinggi.

Pemprosesan imej serba boleh yang dijalankan oleh Enjin “*Venus IV*” membantu masa respon diterima dengan pantas. Masa “shutter” dilepaskan adalah sepantas 0.007 saat. Respon yang pantas dari kamera, memudahkan lagi untuk menangkap imej yang bergerak. Dalam “*burst shooting mode*”, model LS85 ini boleh menangkap sebanyak 3.0 rakaman sesaat pada resolusi penuh. Dalam “*High Speed Bursting Shooting Mode*” pula, kamera ini boleh menangkap sebanyak 4.5 tangkapan sesaat. Pengguna juga, boleh menangkap gambar secara berturut-turut, sehingga kad memori penuh. Enjin “*Venus IV*” juga membantu mod sensitif tinggi yang membolehkan DMC-LS85 merakam penyelarasan setinggi ISO 6400, subjek yang kurang jelas juga boleh ditangkap dengan mod sensitif ini tanpa menggunakan pencahayaan “*flash*”

*35mm kamera filem diperlukan

*Maksimum 7 imej dlm “standard” mod/ 4 imej dalam “fine” mod

***Dalam 3 mega piksel(4:3), 2.5 mega piksel(3:2),2-mega piksel(16:9) rakaman.

****Kelajuan tangkapan yang dilakukan secara berturut-turut bergantung kepada kad memori, saiz imej, dan modimbangan imej.

Jumlah tangkapan yang diambil bergantung pada saiz kad memori, saiz imej dan modimbangan imej.

3. Skrin LCD pintar lebar bersaiz 2.5 inci terbaru dengan resolusi setinggi 230,000 dot untuk kemudahan menangkap, memutar dan mengubah saiz huruf.

Model DMC-LS85 menggabungkan idea “easy to see”, LCD bersaiz lebar dengan resolusi setinggi 230,000 dot untuk keselesaan menonton sambil mengawal rakaman dan mengulang tayang gambar yang telah diambil. LCD pintar ini juga berfungsi untuk mengesan tahap pencahayaan LCD sebanyak 40% apabila pengguna menangkap gambar diluar yang bercahaya terang dan mengubah kadar rakaman apabila mengambil gambar dalam keadaan gelap sambil menggunakan cara bacaan dengan campuran piksel untuk mengekalkan kejelasan dalam suasana yang gelap. Terdapat 11 langkah untuk mengesan ketepatan pencahayaan dan mengawal kecerahan secara automatik, fungsi ini dapat memberikan kejelasan yang bersesuaian pada setiap suasana tanpa menggunakan tenaga yang berlebihan. Mod Sudut tinggi (High Angle) membolehkan skrin LCD dilihat dengan mudah dan jelas, apabila kamera tersebut dijinjing semasa mengambil gambar kumpulan yang besar.

Kini lebih mudah bagi pengguna untuk menekan atau mencari menu dengan adanya pilihan terbaru iaitu “Display Size”.

4. Pilihan Yang Mudah Dan Tepat Untuk Sesi Fotografi Yang Lebih Menyeronokkan.

Kamera Lumix selanjutnya menawarkan banyak pilihan untuk sesi fotografi yang lebih menyeronokkan. Model DMC-LS85 membolehkan pengguna menikmati persembahan slaid dengan berlatarkan muzik. Pengguna hanya perlu memilih gambar yang hendak ditunjukkan dan memilih mood yang bersesuaian yang telah sedia ada iaitu *natural, slow, urban* atau *swing*. Pengguna akan dapat menikmati persembahan slaid dengan “effect” yang menarik dan muzik yang bersesuaian dan dapat didengar dengan sistem bunyi yang sedia ada.

Kesemua kamera Lumix boleh menangkap gambar beresolusi tinggi iaitu 1920x1080 piksel dan berkualiti tinggi yang sangat sesuai bagi pengguna untuk menonton di skrin lebar HDTV(16:9). Panasonic, menjadikan bidang fotografi lebih menyeronokkan dengan membolehkan pengguna kamera Lumix menonton kembali gambar-gambar yang telah diambil di dalam TV Viera Panasonic dengan adanya “Viera Image Viewer” (internal SD card slot). Untuk gambar yang bergerak pula, DMC-LS85 boleh merakam gambar WVGA (848x480) yang bergerak dalam jangka masa 30 rakaman gambar sesaat dan tambahan pada VGA (640x480) “standard”. Keputusan yang memuaskan dijanjikan kepada pengguna yang menontonnya.

*Pengguna disyorkan untuk mengguna kad berkuasa tinggi seperti "10MB" atau yang bersesuaian apabila pengguna menggunakan kualiti WVGA atau VGA.

*Rakaman yang dibuat secara berterusan boleh dirakam sehingga 15 minit, dalam Negara yang tertentu.

*Rakaman yang berterusan melebihi "2GB" tidak dapat dirakamkan jika merakam jenis gambar JPEG yang bergerak. Baki masa untuk rakaman berterusan akan tertera pada skrin.

5. Bahagian Lain.

Model terbaru DMC-LS85 memberi pilihan dan fungsi-fungsi yang mudah dengan itu pengguna dapat menikmati keseronokkan untuk menangkap gambar yang cantik.

Masa permulaan telah dipendekkan sebanyak 40% untuk sepantas 1.8 saat manakala AF point ditambah dari 5 ke 9 untuk mendapatkan tahap fokus yang lebih tepat. Memori dalaman pula ,telah ditambah dua kali ganda sebanyak "50MB", bagi memudahkan pengguna yang tidak mempunyai kad memori SD4C/5D. Kadar bateri juga, dinaikkan untuk menangkap gambar selebih 270 keping (CIPA) dengan dua bateri AA, yang dibekalkan oleh Enjin "Venus IV"

Tambahan lagi, operasi "stress-free", butang dan kunci direka mengikut kesesuaian pengguna. Model LS85 direka secara eksklusif untuk pengguna, dengan mudah membolehkan pengguna menetapkan tahap yang bersesuaian untuk mereka tanpa mengelirukan mereka terutama sekali yang ingin berjinak-jinak dengan bidang fotografi.

Tentang "Software PhotofunStudio 3.0".

"Software PhotoFunStudio 3.0" yang terbaru dan menyeronokkan ini didatangkan sekali dengan model DMC-LS85. "PhotoFunStudio 3.0" ini juga memudahkan pengguna untuk mengatur atau mengubahsuai koleksi gambar mereka dengan mudah dan menyeronokkan. Ia mempunyai fungsi "Face Recognition" yang berfungsi untuk mengenalpasti gambar yang dimasukkan ke dalam komputer mereka dan mengasingkan gambar mengikut imej wajah yang berasingan. Sebelum ini, pengguna harus menyusun dan mencari satu persatu gambar yang dikehendaki, tetapi dengan adanya "PhotoFunStudio 3.0" ini, secara automatik ia akan mendaftar dan mengesan tidak kira jenis kamera apa yang digunakan. Pengguna juga boleh menikmati persembahan slaid dengan pelbagai "effect" latar belakang. Video atau gambar yang bergerak (MOV atau MPEG2) juga boleh dimasukkan terus ke dalam "YOUTUBE".

Panasonic

LUMIX

NEWS

*Youtube merupakan hakcipta Goggle Inc.

Nama produk dan syarikat adalah hakcipta terpelihara.

*Unit ini bersesuaian dengan memori kad SD dan memori kad SDHC. Alat yang digunakan pada memori kad SDHC dan memori kad SD adalah berlainan (sila rujuk langkah-langkah operasi apabila memori kad SDHC digunakan pada setiap alat).

*Penggunaan rakaman atau bahan cetakan adalah hakcipta terpelihara dan penggunaan bahan lain selain dari kegunaan peribadi adalah dilarang kerana ia melanggar undang-undang pemegang hakcipta.

*Tiada notis tertakluk pada perubahan spesifikasi dan reka bentuk .

DMC-LS85 Specifications

S-Perak : Actual Selling Price at RM 449.00

Matrik	Dimensi(W x H x D)	96.7 x 62.0 x 29.8 mm (3.89 x 2.48 x 1.19 in)
	Berat	Approx. 128g (0.28 lb) Approx. 176g with Battery and SD Memory Card (0.38 lb)
Optik	Piksel efektif kamera	8.1 Mega piksel
	Saiz sensor/ Jumlah piksel/ Filter	1/2.5-inch / 8.32 jumlah mega piksel / Primary Color Filter
	Aperture	F2.8 - 5.9 / 2-Step (F2.8 - 8 (W) / F5.9 - 16 (T))
	Zoom optik	4x
	Focal Length	f=5.5-22.0mm (33-132mm in 35mm equiv.)
	Extra Optical Zoom (EZ)	5.1x (4:3 / 5M), 6.4x (under 3M)
	Lensa	LUMIX DC VARIO 6 elements in 5 groups (3 Aspherical Lenses / 4 Aspherical surfaces)
	Penstabil imej optik	MEGA O.I.S. (Auto / Mode1 / Mode2)
	Digital Zoom	4x (Max. 16.0 x combined with Optical Zoom without Extra Optical Zoom) (Max.25.5x combined with Extra Optical Zoom)
	Kawasan fokus	Normal: Wide 50cm/ Tele 50cm – infinity Macro / Intelligent AUTO : Wide 5cm / Tele 50cm – infinity
	Focus Range Display	Yes
	AF Assist Lamp	Yes
	Fokus	Normal / Macro, Quick AF (Always On)
	Meter AF	Face / Multi (9pt) / 1pt
	Kelajuan shutter	8-1/2000 sec Starry Sky Mode : 15, 30, 60sec.
Rakaman	Penstabil imej optik	Yes
	Intelligent ISO Control	Yes
	Sistem pengesan muka	Yes
	Intelligent Scene Selector	Portrait, Scenery, Night Portrait, Night Scenery, Macro
	iA Direct Button	Yes
	Format fail	Still Image: JPEG (DCF / Exif2.21) Motion picture: QuickTime Motion JPEG
	Menukar mod	[Recording] / [Playback]
	Butang mod	Intelligent AUTO, Normal Picture, SCN, Motion Picture
	Mod scene	Portrait, Soft Skin, Self-Portrait, Scenery, Sports, Night Portrait, Night Scenery, Food, Party, Candle Light, Baby1, Baby2, Pet, Sunset, High sensitivity, Hi-Speed Burst, Starry Sky, Fireworks, Beach, Snow, Aerial Photo
	Mod rakaman berterusan	Full-Resolution Image, 3.0 frames/sec Max. 7 images (Standard mode), Max 4 images (Fine Mode) High-speed Burst Mode: approx. 4.5 frames/sec (recorded in 3M for 4:3, 2.5M for 3:2, 2M for 16:9)
	Unlimited consecutive shooting	2.0 frames/sec
Motion Picture Recording	4:3 VGA: 640 x 480 pixels, 30fps (Motion JPEG) QVGA: 320 x 240 pixels, 30 fps (Motion JPEG)	

	16:9	WVGA: 848 x 480 pixels, 30 fps (Motion JPEG)
Exposure		Program AE
Exposure Compensation		1/3 EV step, +/-2 EV
Imbangan cahaya latar		Yes (only in Intelligent AUTO mode)
Meter lampu		Intelligent Multiple
ISO sensitivity		Auto / 80 / 100 / 200 / 400 / 800 / 1600 High Sensitivity (ISO 1600-6400)
Aspect Ratio		4:3 / 3:2 / 16:9
Still Picture Recording	4:3	3264 x 2448 (8M) / 2560 x 1920 (5M EZ) / 2048 x 1536 (3M EZ)
	3:2	3264 x 2176 (7M) / 2048 x 1360 (2.5M EZ)
	16:9	3264 x 1840 (6M) / 1920 x 1080 (2M EZ)
Kualiti imej		Fine / Standard
White Balance		Auto / Daylight / Cloudy / Shade / Halogen / White Set (Selectable at Portrait, Soft Skin, Self-Portrait, Sports, Baby, Pet, High Sensitivity, Highspeed Burst mode)
Quick Menu		Yes
Mod warna		Standard, Natural, Vivid, Black & White, Sepia, Cool, Warm
Composition Guide line		Yes (1 pattern)
	Auto Review	1sec, 2sec, Hold, Zoom
	Orientation Detector	Yes
Ulang Tayang	Scene Mode Help Screen	Yes
	Self Timer	2sec / 10sec
	Mod ulang tayang	Normal Playback, Slideshow, Favorites Playback
	Thumbnails / Zoomed Playback	12,30-thumbnails / Max 16x
	Paparan kalendar	Yes
	Set Favorites	Yes
	Playback Motion Picture	Yes (Motion JPEG)
	Mod persembahan slide	All Still Images / Favorites BGM Effect (Natural / Slow / Swing / Urban / OFF)
	Pembatalan imej	Single / Multi / All / All except Favorites
	DPOF Print Setting / Set Protection	Yes / Yes
	Resize	Yes
	Copy / Title Edit / Text Stamp	Yes / Yes / Yes
	PictBridge Support	Single / Multi / All / Favorites / DPOF
Setup	Bahasa OSD	English, German, French, Italian, Spanish, Polish, Czech, Hungarian, Russian, Chinese (Traditional), Chinese (Simplified), Netherlandic, Thai, Korean, Turkish, Portuguese, Arabic, Persian, Japanese, Swedish, Danish, Finnish *Varies depending on the sales area.
	Travel Date / World Time	Yes / Yes
Others	Paparan LCD	2.5" TFT Screen LCD Display (230K dots) Field of View : approx. 100% AUTO Power LCD mode, Power LCD mode, High-Angle LCD
	Built-in-Flash	Auto, Auto/Red-eye Reduction, Forced On, Forced Off 0.3 - 5.9m (Wide/ISO Auto), 0.5 - 2.8m (Tele/ISO Auto)
	Media rakaman	Built-in Memory, SD Memory Card, SDHC Memory Card, MultiMediaCard (Still image only)
	Built-in-Memory	approx. 50MB
	Mikrofon/sistem bunyi	Mono / Yes

	Permukaan	AV Output (NTSC/PAL, NTSC only in N.America) / USB2.0 Full speed
	Kuasa	Alkaline AA Battery x2 (Included) AC Adaptor (Input: 110-240V AC) (Optional)
	Battery life (approx.)	270 pictures (Alkaline Batteries, CIPA Standard) * 300 pictures (Evolta Batteries, CIPA Standard) * 550 pictures (NiHM Batteries, CIPA Standard) *
	Included Software	PHOTOfunSTUDIO v3.0
	Standard Accessories	USB Driver Battery Pack (AA Alkaline Batteries x 2), AV Cable, USB Connection Cable, Hand Strap, CD-ROM <i>*Varies depending on the sales area.</i>

*Based on the CIPA standard. Shooting conditions: 23°C with 50% humidity; LCD on; using SD Memory Card; starting to shoot 30 seconds after turning on the power; shooting once every 30 seconds with the flash in full operation for every other shot; changing the zoom setting from telephoto to wide, or wide to telephoto, for each shot; and temporarily turning the power off after each 10 shots (long enough to lower the battery temperature).

**The number of recordable pictures decreases in Auto Power LCD mode or Power LCD mode.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Layari laman web: www.pmpressroom.com untuk muat turun siaran akhbar dan foto.

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Penolong Pengurus Besar, Komunikasi Korporat & Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Patricia Yaw Bee Lei
Product Executive (Lumix)
Digital Imaging Panasonic Malaysia
Tel: 03-7809 7696 Fax: 03-7955 2848 Mobile : 012-975 6863
Email: patricia.yaw@my.panasonic.com